

PM bertemu Presiden China

BH 27 FEB 2001

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad yang tiba di sini untuk menghadiri Forum Boao Untuk Asia (BFA), petang ini mengadakan pertemuan dengan Presiden China, Jiang Zemin di Hotel Boao Gold Coast Hotspring yang menjadi hotel penginapan rasminya di sini.

Dalam pertemuan kira-kira 30 minit itu, kedua-dua pemimpin negara berbincang mengenai isu semasa yang mempunyai kepentingan bersama.

Kedua-dua pemimpin kemudian hadir di majlis makan malam anjuran kerajaan Wilayah Hainan bersama tetamu kehormat BFA, yang diadakan di hotel yang sama.

Dr Mahathir yang dianggap

'Suara Asia' berikutan kelantangan dan ketegasannya dalam menyuarakan pendapat, akan memberikan ucaptamanya di BFA pagi esok.

Sebelum itu, Dr Mahathir dan rombongan tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Haikou pada jam 4.30 petang ini.

Ketibaan beliau di lapangan terbang itu disambut oleh Naib Gabenor Wilayah Hainan, Li Dongsheng serta Duta Malaysia ke China, Datuk Abdul Majid Ahmad Khan.

Perdana Menteri dijadualkan memberikan sidang akhbar selepas ucaptamanya itu sebelum berangkat pulang ke Kuala Lumpur pada tengah hari.